

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN**  
**[ BUKIT BINTANG ]**

**SOALAN NO. 154**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar lepasan STPM yang mendapat PNGK 4.0 ditawarkan dengan pilihan pertama ke IPTA bagi sesi akademik 2018/2019.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan rekod, jumlah murid yang mendapat keputusan cemerlang, iaitu PNGK 4.00 adalah seramai 485 orang (1.13 peratus) bagi Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2017. Keputusan STPM telah meningkat setiap tahun semenjak sistem modular diperkenalkan pada tahun 2012. Setiap tahun lebih daripada 65 peratus pelajar Tingkatan Enam berjaya meneruskan pengajian ke universiti awam dan universiti swasta.

Sejumlah 482 orang pelajar lepasan STPM yang memperolehi PNGK 4.0 memohon UPU Online bagi sesi Akademik 2018/2019 berjaya mendapat tempat untuk menyambung program Ijazah Sarjana Muda di Universiti Awam (UA) mengikut pilihan program masing-masing. Daripada jumlah 482 orang pelajar yang mendapat tawaran, 264 orang pelajar (54.8 peratus) ditawarkan dengan pilihan pertama. Kejayaan calon untuk memperoleh tempat bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian di UA yang telah dipohon serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA serta perlu lulus dalam saringan ujian temuduga yang dijalankan oleh UA

**NO. SOALAN: 154**

tertakluk kepada kelulusan Senat masing-masing. Kegagalan pelajar cemerlang untuk mendapat pilihan pertama adalah disebabkan oleh bilangan tempat yang terhad terutama bagi yang memohon program-program kompetitif seperti Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Undang-Undang.

Sekian, terima kasih

RT20/152